

21 DEC 2001

Polis-Kenderaan

KONGSI KENDERAAN UNTUK KE RUMAH TERBUKA KEBANGSAAN

JOHOR BAHRU, 21 Dis (Bernama) -- Orang ramai yang mahu menghadiri majlis Rumah Terbuka Kebangsaan Aidilfitri yang akan diadakan di Dataran Bandaraya di sini Sabtu ini dinasihati menggunakan kenderaan secara berkongsi.

Ketua Trafik dan Ketenteraman Awam Daerah DSP Abdul Halim Abdullah hari ini berkata mereka juga boleh menggunakan perkhidmatan pengangkutan bas percuma yang disediakan oleh kerajaan negeri dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Mereka boleh mendapatkan perkhidmatan pengangkutan bas itu di hotel-hotel utama, Stadium Larkin dan Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) untuk dibawa ke Dataran Bandaraya, katanya kepada Bernama di sini.

Abdul Halim berharap orang ramai sedia memberi kerjasama bagi mengelakkan kesesakan jalan raya dan kekurangan tempat letak kereta di sekitar kawasan Dataran Bandaraya.

Katanya, memandangkan anggaran kehadiran orang ramai termasuk pelancong dan rakyat Singapura adalah melebihi 100,000 orang, ia boleh menyebabkan kawasan itu menjadi sesak.

"Polis menganggarkan sebanyak 25,000 kenderaan akan berada di jalan raya di sekitar kawasan itu. Itu pun jika mereka yang datang menggunakan kenderaan secara berkongsi seramai empat orang," katanya.

Menurut Abdul Halim, beberapa batang jalan di sekitar kawasan Dataran Bandaraya seperti Jalan Abu Bakar, Jalan Thomson, Jalan Sungai Chat dan Jalan Lingkaran Dalam akan dijadikan jalan sehalu pada hari tersebut.

Rumah Terbuka Kebangsaan itu merupakan yang terbesar pernah diadakan di negara ini dan akan berlangsung dari pukul 10 pagi hingga 4 petang.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, Sultan Johor, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dijadual menghadiri majlis itu.

Turut dijadual hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong dan tujuh menteri kabinet republik itu.

-- BERNAMA

BH NMO